



ISBN 978-983-62951-2-7



9 789834 295127

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



Imej Bandar

ALOR GAJAH

Sidang Ridaksi :

Penasihat :

Mohd. Faizal bin Hamzah

Editor :

Fitri binti Abd. Rahman
Jabu Anak Dugu

Penyelidik :

Hasnizah binti Salleh
Norhadyana binti Abdul Latif

Pembantu Penyelidik :

Noorsham Iqbal bin Nordin
Maznah binti Abd. Jaleb @ Abd. Jalil
Norlyza binti Rosli
Mohd. Fakhru Affendy bin Hamzam
Mohd. Zulfadhli bin Abd. Wahid
Amirah binti Abd. Rahman

Grafik dan Reka Letak :

Unit Projek Khas dan Inovasi

Terbitan :

Unit Projek Khas dan Inovasi
PLANMalaysia@Melaka

CETAKAN PERTAMA 2017

PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)

Hak cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka, Aras 5, Wisma Negeri, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, 75450, Ayer Keroh, Melaka

ALOR GAJAH





KANDUNGAN

- SEKAPUR SIRIH
- SEULAS PINANG
- SECEBIS BICARA
- ANJUNG KATA

- Sejarah
- Sosioekonomi
- Topologi
- Morfologi
- Sistem Pentadbiran
- Sistem Perhubungan
- Kemudahan dan Perkhidmatan
- Sosialisasi
- Seni Bina dan Landskap
- Rekreasi dan Pelancongan
- Menu dan Kraf Tangan

- PENCHARGAAN
- RUJUKAN

01
11
23
51
60

KEDAI EMAS SIONG SHIN
祥成金舖

YIN FRUITS TRADING
安妮水果牌店

KEDAI EMAS SIONG SHIN
祥成金舖



Foto udara sebahagian daripada Alor Gajah

Sekapur Sirih

YAB Ketua Menteri

آءآءآءآءآءآء

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada PlanMalaysia@Melaka kerana berjaya menerbitkan buku Imej Bandar Alor Gajah, buku asas kepada informasi sejarah perkembangan era Perbandaran Alor Gajah sekali gus memperkayakan bandar ini di mata dunia.

Sebuah buku barangkali tidak dapat merungkai semua perkara. Namun usaha ke arah memperkaya budaya ilmu untuk dikongsi bersama seharusnya diberi pujian. Teruskan hasrat murni ini dan pelbagaikan buku-buku seumpama ini di pasaran.

Semoga lebih banyak koleksi buku tempatan bercorak bacaan ringan yang menarik dan berinformasi serta boleh dimanfaatkan masyarakat dapat diterbitkan dan berada di tangan pembaca.

Selamat Membaca buku Imej Bandar Alor Gajah

"Tidak Sempurna Melawat Melaka Jika Tidak Menyusuri Sungai Melaka"

"Melaka Maju Negeriku Sayang Fasa Ke-2"

"Melaka 755 Tahun - Berkat, Tepat, Cepat."

Salam hormat,

(DATUK SERI UTAMA IR. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON)
Ketua Menteri Melaka

IDRIS

Seulas Pinang

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

آءآءآءآءآءآء

Assalamualaikumwarahmatullahiwaarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia,
Salam Melaka Maju Negeriku Sayang Fasa II,
Melaka 755 tahun,

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada PlanMalaysia@Melaka berjaya menghasilkan buku Imej Bandar Alor Gajah.

Saya amat menghargai usaha dan inisiatif untuk mendokumentasikan bahan, maklumat, foto-foto lama dan baharu untuk dijadikan bahan rujukan kepada setiap generasi. Hal ini bertujuan untuk mengembalikan ingatan kegemilangan pekan Alor Gajah yang menjadi nadi kepada penduduk pada ketika itu agar ia tidak lapuk ditelan zaman. Semoga catatan ringkas yang penuh warna warni ini akan dihayati sebagai medium yang menghubungkan masa silam, kini dan akan datang.

Akhir kata, saya berharap PlanMalaysia@Melaka dapat menerbitkan lagi bahan bacaan sebegini secara berterusan dengan melihat potensi perkembangan pekan lain di Negeri Melaka ini. Saya akan memberi sokongan terhadap usaha-usaha penerbitan seumpama ini kepada mana-mana jawatan dan agensi kerajaan.

Sekian.

DATUK SERI HJ. NAIM BIN ABU BAKAR
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

NAIM

Secebis Bicara

Pengarah PLANMalaysia@Melaka



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, Selawat dan Salam Atas Junjungan Nabi Muhamad SAW kerana dengan limpah kurniaNya PLANMalaysia@Melaka berjaya menghasilkan buku Imej Bandar Alor Gajah. Buku ini merupakan bahan bacaan ilmiah yang santai dan mudah dibawa ke mana-mana untuk pembaca lebih mengenali daerah Alor Gajah.

Sebagai anak kelahiran Alor Gajah, saya amat berbangga dengan penghasilan buku ini yang banyak merakamkan kisah dan peristiwa penting dapat dirungkai dan dibukukan hasil daripada pelbagai sumber lisan dan bertulis.

Saya berharap melalui penerbitan bahan bacaan ini dapat menyalurkan maklumat-maklumat yang menarik dengan mengetengahkan skop revolusi perkembangan perancangan bandar di daerah Alor Gajah. Buku ini amat sesuai untuk dijadikan bahan rujukan selain merungkai keunikan dan keindahan Alor Gajah daripada pelbagai perspektif.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada sidang ridaksi serta semua lapisan pegawai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan buku Imej Bandar Alor Gajah ini.

Wassalam.

MOHD FAIDZAL BIN HAMZAH

Pengarah

PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)



REPLIKA KERIS

Keris merupakan senjata tradisi yang terkenal pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Keris merupakan lambang kemegahan orang melayu, terutamanya sewaktu Perang Naning. Oleh itu, Replika Keris ini dijadikan identiti utama Daerah Alor Gajah. Replika Keris gergasi terletak di Dataran Keris manakala Replika Keris yang saiznya lebih kecil boleh didapati di beberapa pintu masuk utama ke Daerah Alor Gajah, iaitu di Simpang Empat, Simpang Ayer Keroh - Durian Tunggal dan Simpang Lubok Cina.



Anjung Kata

Buku Imej Bandar Alor Gajah ini diterbitkan sebagai bacaan ilmiah yang santai untuk pembaca menghayati era perancangan pembangunan Bandar Alor Gajah, iaitu sebuah bandar yang terletak di utara Negeri Melaka. Daerah yang sarat dengan sejarah tokoh kepimpinan dan kepahlawanan Naning waktu lalu yang kini begitu pesat membangun seiring dengan arus pemodenan.

Buku ini memberi tumpuan kepada perancangan fizikal, bermula dengan sejarah pewujudan daerah ini, diikuti dengan perkembangan Bandar Alor Gajah dan aktiviti sokongan lain yang menjadi pemangkin pemesatan pertumbuhan bandar ini sekitar tahun 1920-an sehingga kini.

Bermula daripada penghijrahan pelbagai kaum dan masyarakat ke daerah ini, Alor Gajah sebahagian besarnya diliputi hutan belukar yang rata telah mula diterokai untuk dijadikan sebuah kawasan penempatan yang baharu. Pentadbiran, aktiviti sosio ekonomi, penyediaan kemudahan seperti kesihatan, keagamaan, pendidikan dan keselamatan yang dijalankan menjadi faktor perkembangan pekan ini.

Penulisan buku ini juga telah diolah semula berdasarkan kajian lisan yang dibuat, iaitu temu bual bersama masyarakat setempat. Seterusnya beberapa bahagian lain berdasarkan tinjauan semasa di lokasi yang disokong oleh rujukan ilmiah dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

Berbekalkan khazanah alam semula jadi, Alor Gajah juga menawarkan destinasi pelancongan menarik untuk setiap pengunjung.

Oleh yang demikian, penerbitan buku ini secara tidak langsung merupakan usaha merekod penceritaan lalu bermula dari sejarah pembukaan sehingga revolusi perbandaran untuk rujukan generasi akan datang.

مجاليس قريبندارن ألو ركا جه



Selamat Datang Ke

Bandar Alor Gajah

Daerah Alor Gajah berkeluasan 67,440 hektar mengandungi tiga (3) buah bandar dan enam belas (16) buah pekan kecil. Bandar tersebut ialah Pulau Sebang, Alor Gajah dan Masjid Tanah yang dikelilingi pekan-pekan kecil, iaitu Simpang Empat, Ramuan Cina Besar, Kuala Sungai Baru, Lubok Cina, Durian Tunggal, Simpang Gading, Melaka Pindah, Gadek, Pengkalan Balak, Brisu, Lendu, Tebong, Kuala Linggi, Pantai Belimbing, Ramuan Cina Kecil dan Rembia. Kesemua bandar dan pekan ini terletak di bawah pentadbiran Majlis Perbadanan Alor Gajah (MPAG).

Alor Gajah yang bersempadan dengan daerah Tampin, Negeri Sembilan merupakan antara pintu masuk utama dari Lebuh raya Utara Selatan ke negeri ini sekali gus menjadikannya daerah "penyambut" tetamu kepada pengunjung yang datang.



Sejarah

**ALOR
GAJAH**



Ilustrasi lakaran gambaran peperangan Nanning
Sumber: Arkib Negara Malaysia

Sejarah Awal

Asal usul pembentukan daerah Alor Gajah adalah berkaitan dengan perkembangan awal sejarah Nanning. Hal ini adalah kerana Nanning pada zaman pemerintahan Portugis di Melaka dahulu mengandungi 25 buah mukim di bawah pemerintahan Dato Penghulu Nanning. Selepas kekalahan Nanning kepada Inggeris pada 1832, demi memudahkan pentadbiran Inggeris, Nanning telah menjadi sebahagian daripada jajahan Inggeris di Melaka. Oleh itu, 22 buah mukim telah dipecahkan oleh Inggeris dan dimasukkan ke dalam daerah Alor Gajah manakala 3 buah mukim lagi diletakkan di bawah pentadbiran daerah Jasir.



Papan tanda memperingati perjuangan Dato' Dol Said yang telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka pada ketika itu. Papan tanda ini didirikan di Taboh Nanning berdekatan dengan kubur Dato' Dol Said.

Sumber: Arkib Negara Malaysia

SEJARAH NANING

Nanning ialah sebuah wilayah kecil di pedalaman negeri Melaka. Penduduk Nanning pernah berperang dengan Portugis dan Belanda dan kedua-dua penjajah ini menghormati keberanian mereka. Apabila British mengambil alih Kota Melaka, mereka juga menyedari semangat Nanning selepas satu pertempuran yang merugikan mereka.

Dol Said telah dilantik sebagai Dato Nanning pada 1802. Selepas mendapat Kota Melaka pada 1824, pihak British pula menuntut cukai sebanyak 1/10 daripada hasil Nanning berdasarkan perjanjian lama Belanda-Nanning. Dato Nanning tidak melayan tuntutan itu. Atas faktor tersebut, pihak British mengatur serangan untuk menakluki jajahan Nanning.

Pada tahun 1831, satu pasukan yang diketuai oleh Timbalan Residen, William Lewis, menuju ke Taboh Nanning untuk menawaninya.



Ilustrasi lakaran gambaran peperangan Nanning
Sumber: Arkib Negara Malaysia

Dengan bantuan tentera Rembau di bawah pimpinan Sayid Shaaban, serangan pihak British dapat dipatahkan. Sebaliknya mereka mengalami kekalahan dan terpaksa berundur akibat kehilangan nyawa dan senjata.

Pada tahun 1832, dengan kekuatan 1000 orang tentera dan meriam diketuai oleh Kolonel Herbert, mengatur serangan dengan membuka jalan selebar 600 kaki hingga ke Taboh Nanning. Satu pertempuran sengit berlaku antara British dan Nanning apabila beberapa pegawai askar British dan perajurit Nanning terbunuh.

Akhirnya, Dol Said menyerahkan diri pada tahun 1833 dan beliau diberi pencen dan menetap di Melaka.



Foto majlis pelantikan salah seorang Dato Naning yang baru iaitu Mohamed Shah bin Mohamed Said pada 17 Ogos 1953
Sumber: Arkib Negara Malaysia



Foto Dato' Naning (Dato' Othman bin Kering) bersama Pegawai Daerah Alor Gajah (Mr. M. Sheppard) dan semua Penghulu dalam daerah yang diambil di hadapan Pejabat Daerah Alor Gajah pada 31 Oktober 1935
Sumber: Arkib Negara Malaysia

BANGUNAN KEDIAMAN DAN BALAI RASMI PENGHULU NANING

Bangunan ini telah dibina pada tahun 1952 sebagai kediaman dan Balai Rasmi Penghulu Naning bertempat di Bukit Naning, Kampung Simpat Ampat, Alor Gajah. Kediaman dan Balai Rasmi ini telah mula digunakan pada tahun 1953 oleh Penghulu Haji Mohd Shah bin Mohd Al-Haj, Penghulu Naning ke-18 sebagai pusat pentadbiran Adat Perpatih Naning sehingga beliau meninggal dunia pada 13 Jun 2004.

Encik Abdul Latiff bin Haji Hashim telah dilantik sebagai Penghulu Naning ke-19 dengan jawatan sebagai Penjaga Adat Naning. Beliau juga dibenarkan untuk tinggal di bangunan ini selagi beliau menjadi Penjaga Adat Naning atau mengikut budi bicara Kerajaan Negeri Melaka.



Balai Seri Naning yang merupakan tempat kediaman dan persidangan Penghulu Naning.



Bangunan ini seterusnya telah dicadangkan sebagai Muzium Warisan dan sejarah Naning dan kini ia telahpun direalisasikan.

Atas sebab-sebab tertentu, pada 2 Mac 2015, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah telah mengeluarkan notis pengosongan bangunan tersebut kepada Penghulu Naning ke-19 tersebut dan kemudian diserahkan secara rasmi kepada Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) pada 9 April 2015 untuk kerja-kerja pemuliharaan.

Asal Nama Alor Gajah

Setiap daerah mempunyai asal usul nama tersendiri. Antara tahun 1832 hingga 1937, sebelum jatuh ke tangan Melaka, pekan ini dahulunya terletak di dalam daerah Tampin, Negeri Sembilan. Nama Alor Gajah sebenarnya berpunca daripada tabiat sekumpulan gajah liar dan kononnya diketuai oleh seekor gajah berwarna putih yang sangat gemar berjalan secara berkumpulan menuruti alur sebatang sungai. Sejak daripada peristiwa tersebut, penduduk tempatan menamakan bandar ini sebagai Alor Gajah dan kekal hingga ke hari ini.

Walaupun bagaimanapun, menurut sumber lain, nama pekan ini berasal daripada perkataan 'Allgeah', iaitu istilah Belanda yang bermaksud "Kesetiaan". Dalam bahasa Inggeris bermaksud "Allegiance" - kesetiaan : *loyalty, faithfulness, fidelity, adherence, constancy, deference, devotion, homage*.

Bermula apabila seorang askar Belanda terbunuh semasa berperang dengan pahlawan tempatan di hutan Alor Gajah. Kuda dan anjingnya menunggu dengan setia di sebelah mayat askar itu selama beberapa hari sehingga mati. Untuk mengingati kesetiaan kuda dan anjing tersebut, bangkai haiwan tersebut telah dikuburkan bersebelahan kubur askar itu. Sempena kesetiaan binatang itu kepada tuannya, tempat ini telah dinamakan "Allgeah", yang lama kelamaan bertukar menjadi "Alor Gajah".

Kubur-kubur itu masih wujud sehingga kini dan terletak di kawasan Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1.



Tokoh-Tokoh

Kemasyhuran daerah Alor Gajah boleh dikaitkan dengan barisan tokoh yang hebat dipelbagai peringkat dan bidang seterusnya membuktikan bahawa anak kelahiran Alor Gajah bukan sahaja berjasa sebagai penyumbang kepada sejarah dan pembangunan negeri, malah kepada negara.



Dato' Dol Said

Dol Said atau nama sebenarnya Abdul Said merupakan pemerintah Naning yang kesembilan yang membantah pengenaan cukai atas daerahnya oleh pihak British. Beliau secara keras membangkang kemasukan tentera British di Naning dengan menunjukkan kebijaksanaan dalam peperangan yang telah mengalahkan pihak British dalam dua kempen peperangan. Dol Said seorang wira yang berani yang telah mengukir tempat dalam sejarah Melaka.

Datuk Haji Talib bin Karim

Allahyarham Datuk Haji Talib Karim dilahirkan pada 12 Disember 1909 di Kg. Baru, Alor Gajah, Melaka. Beliau aktif dalam gerakan menentang Malayan Union. Beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka yang ke-3 pada tahun 1967 hingga tahun 1972.



Datuk Setia Abdul Ghani bin Ali

Datuk Setia Abdul Ghani bin Ali merupakan seorang guru sebelum melibatkan diri dalam politik Negeri Melaka dan dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang ke-4. Beliau telah memajukan kawasan perindustrian Batu Berendam yang banyak memben petuag pekerjaan kepada penduduk negeri Melaka dan kesnambungan usaha yang di mulakan oleh beliau ini telah dirancarkan lagi oleh Ketua Menteri Melaka seterusnya. Beliau terkenal dengan kegiatan memajukan dan menaik taraf perniagaan dan pertanian serta perindustrian dalam kalangan orang Melayu di seluruh negeri Melaka.



Tan Sri Abdul Rahim bin Thamby Chik

Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik dilahirkan pada 10 April 1950 di Masjid Tanah, Melaka. Merupakan seorang ahli politik yang pernah memegang jawatan sebagai Naib Presiden UMNO. Beliau pernah menjadi Pengerusi RISDA, Yayasan Penggerak Wawasan (YPW), Gagasan Ekonomi Penggerak Melayu (GAPEM) dan juga Pengerusi Eksekutif Syarikat Artac Holdings Sdn. Bhd. dan merupakan Ketua Menteri Melaka yang ke-6 pada tahun 26 April 1982 – 13 Oktober 1994.



Datuk Seri Wira Haji Mohd Zain bin Haji Abd Ghani.

Allahyarham Datuk Seri Wira Haji Mohd Zain Haji Abd Ghani merupakan Ketua Menteri Melaka yang ke-7 dan telah berkhidmat selama 3 tahun bermula 14 Oktober 1994 hingga 14 Mei 1997. Beliau turut menerajui Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) pada ketika itu.



Datuk Soh Chin Aun

Datuk Soh Chin Aun merupakan pemain legenda bola sepak Malaysia yang berasal dari Alor Gajah, Melaka. Pada tahun 1971, beliau yang baru berusia 21 tahun menjadi ketua pasukan termuda dalam kelayakan Sukan Olimpik 1974 di Seoul, Korea Selatan. Beliau merupakan salah seorang pemain yang mewakili Malaysia pada Sukan Olimpik 1972 di Munich dan berperanan sebagai ketua pasukan.

Selepas bersara daripada bermain bola sepak pada tahun 2007, beliau dilantik sebagai Pengerusi Pengadil Malaysia pada 13 Mac 2007. Beliau kemudian memegang jawatan selaku Pengurus Pasukan Bola Sepak Malaysia pada 2007 sehingga Februari 2009.



Sosio ekonomi

**ALOR
GAJAH**

Sosio ekonomi Awal

Kebanyakan penduduk Alor Gajah terdiri daripada kaum Melayu yang tinggal di luar kawasan luar bandar dengan menjalankan aktiviti bertani dan berladang. Kaum Cina pula kebanyakannya tinggal di kawasan bandar, manakala kaum India bekerja di ladang-ladang getah.

Dengan terlaksananya Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, ekonomi dan taraf hidup penduduk di daerah Alor Gajah telah meningkat maju. Contohnya dengan pembukaan tanah-tanah rancangan Hutan Percha dan Bukit Bulat.

Selain itu, masalah pengangguran dalam kalangan penduduk tempatan juga dapat dikurangkan dengan pembinaan beberapa buah kilang berhampiran dengan bandar Alor Gajah.



Ubi Kayu

Pada tahun 1807, Penghulu Naning telah membuka sebuah kawasan bagi tujuan pelombongan biji timah. Walau bagaimanapun, selepas peristiwa Naning 1832 dan faktor keperluan wang oleh pentadbiran Inggeris menyebabkan berlakunya galakan kemasukan imigran buruh ke daerah ini bagi menjalankan perniagaan ubi kayu, gambir, dan getah. Oleh hal demikian, sebahagian besar dari mukim di daerah Alor Gajah ditanam dengan tanaman ubi.

Permintaan terhadap tepung ubi kayu yang semakin meningkat menyebabkan pekebun membina kilang-kilang yang dijanakan dengan kuasa stim seperti di Durian Tunggal, Machap, Melekek, Pulau Sebang, Rembia dan Taboh Nanning.



Getah

Kemudian, pada tahun 1920-1930-an, tanaman getah telah diperkenalkan oleh orang Cina akibat kejatuhan harga ubi kayu dan gambir.

Kesan kenaikan harga getah pada tahun 1920-an telah menyebabkan berlakunya proses perbandaran di beberapa mukim seperti Masjid Tanah, pekan Alor Gajah, Kuala Sungai Baru dan Durian Tunggal.

Pada tahun 1920-an, kedai telah banyak dibina. Peniaga-peniaga bandar lain juga telah memilih pekan Alor Gajah dan Masjid Tanah untuk berniaga kerana kedudukannya yang strategik, iaitu di tengah-tengah persimpangan jalan dari Bandar Melaka ke Kuala Lumpur.



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Padi

Alor Gajah merupakan pengeluar padi yang kedua terbanyak selepas daerah Jasin. Daerah ini juga pernah dipilih menjadi kawasan 'Test Plot Padi' oleh Inggeris. Perjanjian 'Test Plot Padi' telah ditandatangani sejak 1937 dan implementasinya berakhir pada tahun 1946-1947.

Dalam skim 'Test Plot Padi' ini, pihak Inggeris akan memberi bantuan kerbau, bajak, sikat, benih padi dan baja. Tanah sawah yang dipilih sahaja akan diberi keistimewaan ini dan hasil tuaian padi akan dibahagi dua, iaitu antara pesawah Melayu dan pihak Inggeris. Beberapa kawasan yang ditanam menerusi skim 'Test Plot Padi' ini adalah seperti di Pulau Sebang dan Kelemak.

Tanaman padi di Alor Gajah diusahakan oleh orang Melayu yang sedikit sebanyak dapat menampung keperluan dan menyumbang ekonomi bangsa mereka di daerah ini. Walau bagaimanapun, pada zaman pendudukan Jepun skim ini telah dimansuhkan dan penanam padi mengusahakan sawah mereka secara persendirian.



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Ladang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda)

Setelah berakhirnya penjajahan Inggeris dan Jepun, Pembukaan Ladang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai FELDA yang terletak di Kampung Hutan Percha diteroka pada awal tahun 1961. Keseluruhan Hutan Percha ditanam dengan getah.

Pada tahun 1962, bermula penempatan para peneroka yang diurus tadbir oleh FELDA. Seramai 285 peneroka yang terdiri daripada 213 berbangsa Melayu, 66 Cina dan 6 India.

Kemudahan yang ada seperti sekolah kebangsaan, balai polis, pusat kesihatan kecil, masjid, sekolah agama (JAIM), sekolah tadika kemas dan rumah-rumah ibadat bagi kaum Cina dan India.

Pada masa ini, kebanyakan peneroka terdiri daripada generasi kedua yang diwarisi daripada generasi pertama.



Rumah peneroka FELDA di Felda Hutan Percha



Peneroka FELDA sedang mengusahakan tanah mereka



Tun Abdul Razak mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Undangan Negeri dan Ketua-Ketua Pejabat di Bilik Gerakan Alor Gajah



Pegawai Daerah Alor Gajah sedang menerangkan projek-projek pembangunan Alor Gajah kepada Tun Abdul Razak

Sosio ekonomi Semasa

Perniagaan

Sektor perniagaan formal dan tidak formal memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesuatu kawasan terutamanya bandar-bandar, termasuklah di Alor Gajah. Perkembangan aktiviti ini dapat membantu kerajaan dalam menjana sumber ekonomi bandar disamping membawa faedah dan kebaikan kepada pembangunan ekonomi setempat. Kawasan-kawasan tumpuan aktiviti ini di Alor Gajah adalah di sekitar Pekan, iaitu Pasar Tani, Pasar Malam, kedai-kedai runcit dan lain-lain. Kewujudan aktiviti ini di Alor Gajah semanganya diakui menghidupkan lagi suasana aktiviti bandar .



Aktiviti perniagaan runcit masih lagi menjadi aktiviti komersil utama di bandar Alor Gajah



Kepelbagaian barangan jualan



Antara aktiviti perniagaan tidak formal di sekitar Bandar Alor Gajah



PERINDUSTRIAN

Perkembangan sektor perindustrian di Alor Gajah telah memberi impak yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri Melaka amnya dan daerah Alor Gajah khususnya. Kilang-kilang yang dibina ini juga telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Kawasan-kawasan tumpuan utama industri di Alor Gajah ialah di Rembia, Pegoh dan Kelemak.



Kawasan Perindustrian Kelemak



Antara kilang yang terdapat di kawasan Perindustrian Kelemak, iaitu kawasan perindustrian yang terawal di Alor Gajah.



Kilang AUO SunPower menjadi pemangkin menarik minat lebih banyak pelabur luar untuk membuka industri mereka di Alor Gajah, khususnya berkaitan pengeluaran komponen dan produk tenaga boleh diperbaharui.



Kilang Sunpower



Honda Malaysia Sdn. Bhd. (Honda Malaysia) mengukuhkan komitmennya di Malaysia apabila membuka kilang produksi No. 2 di Pegoh, Alor Gajah.



PERTANIAN

Aktiviti pertanian secara kecil-kecilan seperti getah, padi dan kelapa sawit masih lagi diusahakan di beberapa kawasan di Alor Gajah . Kepelbagaian jenis tanaman inilah yang membentuk guna tanah di daerah ini.





PERIKANAN

Aktiviti perikanan juga masih diusahakan oleh penduduk Alor Gajah, terutamanya masyarakat Melayu. Hal ini kerana petempatan mereka yang berhampiran dengan laut atau sungai sekitar Pengkalan Balak, Kuala Linggi dan Kuala Sungai Baru.



Topologi

**ALOR
GAJAH**





Morfologi

**ALOR
GAJAH**

Susun Atur Pekan Alor Gajah

Secara umumnya, pada awal pembukaan, Pekan Alor Gajah telah dibangunkan dengan terancang dan diyakini perancangan ini dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah. Kajian awal telah dijalankan dengan rapi bagi menentukan penggunaan tanah dan corak pembangunan yang boleh dibuat di pekan itu dan kawasan sekitarnya.

Pekan ini dirancang sebagai *linear town*, yang menjadikan bulatan sebagai *focal point*. Dengan penyediaan kemudahan sekolah, kuarters dan institusi pentadbiran berhampiran dengan kawasan pekan tersebut, melengkapkan lagi fungsi Pekan Alor Gajah ini.

Pekan kecil ini memainkan peranan yang penting kepada penduduk setempat dalam memberikan sumbangannya dari segi fungsi barangan dan perkhidmatan. Bermula dari pekan kecil, kemudiannya berkembang menjadi sebuah bandar besar melalui proses pambandaran. Aktiviti perniagaan telah mengubah landskap pekan ini daripada kawasan lapang dan padang kepada blok-blok kedai yang mempunyai karektor klasik sekitar tahun 1930-an.



Padang Alor Gajah menjadi tumpuan utama orang ramai untuk berkumpul sekiranya terdapat acara besar di pekan ini.

Padang Alor Gajah

Seperti pekan yang lain, Alor Gajah juga mempunyai ruang awam yang berfungsi sebagai tempat tumpuan orang ramai pada ketika itu.

Padang Alor Gajah memainkan peranan penting sebagai integrasi sosial bagi daerah Alor Gajah apabila diadakan pelbagai aktiviti, berkumpul, beriadah dan tempat tumpuan aktiviti perniagaan dan sebagainya. Aktiviti ini turut disokong dengan penyediaan dewan berhampiran dengan padang tersebut yang juga merupakan simbol dan identiti Alor Gajah pada ketika itu.

Kini, Padang Bandaran juga telah berubah, namun masih menjadi tumpuan aktiviti sosial dengan pertambahan kemudahan padang, pentas dan sebagainya bagi menyokong aktiviti ini.

Rumah Kedai

Apabila Inggeris menjajah Melaka, bandar ini turut diperintah Inggeris. Bermula dari saat itu, Inggeris membina rumah kedai dengan reka bentuk rumah kedai lain, khususnya di Melaka.

Kedai-kedai di pekan Alor Gajah dibina dalam bentuk rumah kedai dan dibangunkan secara satu persatu (secara individu) yang akhirnya membentuk satu deretan rumah kedai. Bangunan ini dibina antara tahun 1932 hingga 1936 dan bukti ini amat jelas melalui catatan tahun yang diukir pada dinding sebelah atas bangunan.

Dahulunya, setiap unit kedai mempunyai dwifungsi, iaitu di tingkat atas sebagai tempat tinggal, manakala di tingkat bawah merupakan ruang perniagaan. Majoritinya menjalankan aktiviti memproses getah, kilang kopi, kain ela, peruncitan dan sebagainya. Bangunan-bangunan kedai ini berdiri megah dan berperanan penting sebagai aktiviti perdagangan malah menjadi nadi bagi pusat bandar Alor Gajah itu sendiri.

Kini, aktiviti tersebut telah berubah bagi memenuhi permintaan dan perkhidmatan semasa penduduk tempatan.





1985

Sumber : Suara Melaka, Februari 1985

Pembangunan dan perkembangan Deretan Kedai di Pekan Alor Gajah



1983

Sumber : Suara Melaka, Januari 1983

Pembangunan dan perkembangan Deretan Kedai di Pekan Alor Gajah



2016



2016



Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah Alor Gajah.

Pekan Alor Gajah telah berubah kepada sebuah bandar dengan bangunan-bangunan batu yang dibina sebelum Perang Dunia Ke-2





Pekembangan Pembangunan Awal Sekitar Bandar Alor Gajah

1. SK Alor Gajah

Sekolah ini dibina pada tahun 1860 yang merupakan sekolah paling awal di bina di Alor Gajah.

2. Pejabat Pos

Bangunan ini telah dibina dan dibuka sebelum Perang Dunia ke 2. Pejabat pos ini dahulunya memainkan peranan penting kepada penduduk Alor Gajah dalam pelbagai urusan seperti penyimpanan wang, telegram, surat menyurat dan lain-lain.

3. Dataran Keris

Dahulu dataran ini dikenali sebagai Padang Rakyat. Antara fungsi Padang Rakyat pada ketika itu antaranya majlis-majlis rasmi, program kemasyarakatan, perlawanan bola sepak, riadah dan lain-lain lagi.

4. Kampung Baru

Merupakan petempatan terawal di Alor Gajah yang dikatakan telah wujud sebelum tahun 1800-an lagi.

5. AG Sentral

Bangunan ini telah dirasmikan pada Oktober 2011 bagi menggantikan perhentian bas yang lama di tapak yang sama. Namun sebelum perhentian bas ini wujud, perkhidmatan bas henti-henti terletak di hadapan Pejabat Pos sedia ada.

6. Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG)

PDTAG mula beroperasi pada tahun 1938. Pejabat ini dahulunya berkongsi bangunan dengan MDAG yang terletak bersebelahan dengan bangunan sekarang ini. Bangunan baharu PDTAG telah dirasmikan pada tahun 1992.

7. Masjid Jamek Alor Gajah

Dinamakan Masjid Al-Rasyidin. Dibina pada tahun 1999 dan mula digunakan pada tahun 2001 bagi menggantikan Masjid Jamek Jelatang yang terletak bersebelahan masjid ini. Tapak asal Masjid Al-Rasyidin ini merupakan sawah padi yang kemudiannya digunakan sebagai padang bola bagi menggantikan fungsi Padang Rakyat.

8. Petempatan (Taman Perumahan)

Rumah Awam Jalan Kolam Air dan Taman Seri Bayu merupakan antara taman perumahan yang terawal di Pekan Alor Gajah yang dibina sekitar tahun 1970-an dan 1980-an. Kawasan ini asalnya merupakan ladang getah dan tapak sawah padi.



9. Hospital Lama Alor Gajah

Antara bangunan Kerajaan terawal di Alor Gajah dan mula beroperasi sekitar tahun 1900-an. Kemudian dipindahkan ke Paya Datok pada tahun 2007. Kini, bangunan ini telah dijadikan sebagai Klinik Kesihatan Alor Gajah.

10. Majlis Perbandaran Alor Gajah

Pada tahun 2003, Majlis Daerah Alor Gajah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran. Bangunan ini dahulunya merupakan Rumah Rehat Alor Gajah.

11. Taman Seri Kelemak

Merupakan antara taman perumahan terawal dibuka di Alor Gajah. Dahulunya kawasan ini merupakan kawasan ladang getah.

12. Kawasan Perindustrian Kelemak


Merupakan kawasan perindustrian terawal di Alor Gajah. Pembukaan kawasan perindustrian ini menjadi pemangkin perkembangan dan pertumbuhan petempatan di kawasan sekitar.



Deretan bangunan rumah kedai yang telah dibangunkan sekitar awal tahun 1930-an



Kedai makan Agensi Nombor-Ramalan Kedai motosikal Kedai jahit Kopitiam Emporium Restoran



Blok Pertama (1936)



Blok Kedua (1936)



Blok Ketiga (1936 & 1939)




Kedai perabot Bistro Restoran Kedai Pajak Kedai Makanan & Minuman Kedai Kasut Kedai Serbaneka Kedai Pakaian Kedai Kasut (Tutup) Kedai Haiwan Kedai Surat Khabar



Kedai Gambar Kedai Jam Kedai Getah Kedai Perabot Kedai Perabot Kedai Perabot Kedai Perabot Klinik Kedai Jahit & Saloon Kedai Dobi 24 Jam

Susun atur dan Aktiviti Semasa Blok Kedai



- Blok Pertama (1936)
- Blok Kedua (1936)
- Blok Ketiga (1936 & 1939)

Petempatan Awal

**ALOR
GAJAH**



Kampung Baru merupakan petempatan terawal di Alor Gajah. Di katakan kampung ini telah wujud sekitar pertengahan tahun 1800-an lagi.

Berdasarkan sejarah, apabila Portugis menyerang Melaka, Sultan Mahmud Shah lari ke Johor melalui Tangkak, Johor. Orang-orang lain pindah dari Melaka dan tiba di satu kawasan lebih kurang 2 kilometer selepas tapak pekan Alor Gajah. Tempat baru yang mereka tiba dikenali sebagai Melaka Pindah. Mereka menggunakan kuda untuk perjalanan mereka. Untuk mengangkut barang-barang, mereka menggunakan gajah. Akibat dilalui gajah, sebahagian hutan tersebut menjadi laluan atau alur yang dipanggil "Alor Gajah". Beberapa keluarga yang datang dari Melaka membuat rumah di laluan tersebut sebelum sampai di Kampung Melaka Pindah. Perkampungan ini kemudiannya dikenali sebagai Kampung Baru Alor Gajah.

Bekas Ketua Menteri Melaka yang ke-3 iaitu Allahyarham Datuk Haji Talib bin Karim dilahirkan pada tahun 1909 di kampung ini.

Taman Perumahan

Taman Seri Kelemak, Rumah Awam Jalan Kolam Air dan Taman Sri Bayu merupakan antara taman perumahan yang terawal dibangunkan di Bandar Alor Gajah yang dibina sekitar tahun 1970-an dan 1980-an.



Rumah Awam Jalan Kolam Air

Taman Sri Bayu

Taman Seri Kelemak

Rumah Awam Jalan Kolam Air

Sistem Pentadbiran

**ALOR
GAJAH**

Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG)

Semasa pemerintahan British di Tanah Melayu, seorang pegawai British telah ditempatkan di Alor Gajah bagi mengutip hasil. Sesuai dengan peranan dan tanggungjawab tersebut, Pejabat Daerah telah ditubuhkan agar pelaksanaan tugas dapat dijalankan dengan sempurna.

PDTAG mula beroperasi pada tahun 1938 dengan diketuai oleh Mr. A.D. York sebagai Pegawai Daerah. Anak tempatan yang pertama menjadi Pegawai Daerah ialah Encik Zainal bin Kasahatan pada tahun 1957.

Pegawai Daerah Alor Gajah bertanggungjawab untuk menjalankan tugas berkaitan pentadbiran tanah dan daerah, merancang dan melaksanakan projek pembangunan, bertanggungjawab atas keselamatan dan ketenteraman daerah serta menyelaras aktiviti semua agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di dalam Daerah Alor Gajah.

Pembangunan di daerah Alor Gajah telah dimulakan secara bersungguh-sungguh sejak di bawah pentadbiran yang dipimpin oleh YAB Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik.

Selaras dengan hasrat kerajaan yang memberikan penekanan kepada pentadbiran di peringkat daerah yang dianggap sebagai akar umbi nyata sekali membawa perubahan yang pesat, terutama kepada penduduk di kawasan luar bandar.

Pegawai Daerah sebagai penggerak utama pada ketika itu dan serta mendapat kerjasama yang padu daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat. Oleh itu, matlamat dan strategi pembangunan yang dirangka telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah yang masih baharu ketika tahun 1994
-Sumber: Suara Melaka 1994



Majlis Perasmian bangunan baharu PDTAG pada tahun 1992 oleh Ketua Menteri Melaka ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Bin Tamby Chik



Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah yang masih beroperasi hingga kini



Bangunan ini pada asalnya merupakan Rumah Rehat Alor Gajah (*resthouse*). Oleh sebab pertambahan bilangan pegawai dan kakitangan, Majlis Daerah Alor Gajah yang dahulunya beroperasi di Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah kini telah berpindah ke bangunan ini.

Dahulunya dikenali sebagai Majlis Luar Bandar Alor Gajah, kemudian telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 dan diberi pengiktirafan sebagai Majlis Daerah Alor Gajah pada 1 Julai 1978 yang ditadbir oleh Pegawai Daerah. Seterusnya, pada 1 Mei 2003, Majlis Daerah Alor Gajah telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Kini, perancangan perkhidmatan perbandaran dan pembangunan kemudahan infrastruktur serta sosial bagi penduduk di daerah Alor Gajah semakin lebih teratur dan terus dengan adanya MPAG yang ditadbir oleh seorang Yang Dipertua (YDP).

Sistem Perhubungan

**ALOR
GAJAH**

Jalan Raya

Alor Gajah yang bersempadan dengan daerah Tampin, Negeri Sembilan merupakan antara pintu masuk utama dari Lebu Raya Utara Selatan ke negeri ini sekaligus menjadikannya daerah "penyambut" tetamu kepada pengunjung.

Sistem jaringan perhubungan yang baik di daerah Alor Gajah boleh dihubungi melalui Lebu Raya Utara-Selatan, iaitu Plaza Tol Simpang Ampat yang terletak kira-kira 5 kilometer dari Bandar Alor Gajah. Bandar Alor Gajah juga boleh diakses melalui Lebu Raya Negeri, iaitu Lebu AMJ yang menghubungkan Bandar Melaka terus ke Bandar Alor Gajah. Selain itu, terdapat jalan-jalan dalaman yang boleh diakses untuk ke Bandar Alor Gajah.



Selain memberikan impak yang positif, kewujudan Lebu Raya Utara Selatan dan Plaza Tol Simpang Ampat juga sedikit sebanyak telah mengurangkan kunjungan orang luar dan kenderaan yang melalui pekan Alor Gajah.

Lebu AMJ

Pembinaan jalan empat lorong Simpang Empat-Melaka-Muar atau dikenali sebagai Lebu AMJ itu memudahkan lagi perjalanan selain menjana pertumbuhan pusat perniagaan, perindustrian dan perumahan.

Dahulu, sebelum adanya Lebu Raya Utara Selatan, laluan ini sangat sibuk dengan kenderaan kerana ia merupakan jalan utama untuk pergi ke bandar Melaka-Muar hingga ke Johor Bahru (dari Kuala Lumpur/negeri di bahagian utara).



Simpang Tiga Kendong

Jalan raya di persimpangan tiga Kendong yang dahulunya menjadi pintu masuk utama ke Alor Gajah sebelum wujudnya Plaza Tol Simpang Ampat di Lebu Raya Utara-Selatan.

Pembukaan rasmi sebatang jalan di Ayer Pa'abas, Alor Gajah oleh YAB Tun Abdul Razak sekitar tahun 1960-an
-Sumber: Arkib Negara Malaysia.




Jambatan Kuala Linggi

Jambatan Sungai Linggi yang menghubungkan Kampung Tanjung Agas di Negeri Sembilan dan Kampung Kuala Linggi, Melaka membawa banyak perubahan dan implikasi positif terhadap pembangunan kepada kedua-dua negeri bersempadan ini.

Sebelum jambatan sepanjang hampir 1 kilometer ini dibina pada tahun 1995, penduduk di kedua-dua negeri ini terpaksa berulang-alik antara Port Dickson dan Melaka dengan menaiki sampan dengan tambang yang dikenakan sebanyak RM1.20 bagi perjalanan sehala.


Bagi penduduk atau orang ramai yang menaiki kenderaan dari Port Dickson ke Melaka terpaksa melalui Pasir Panjang, Pengkalan Kempas, Linggi, Lubok Cina, Masjid Tanah dan Melaka.



Majlis Pecah Tanah Jambatan Kuala Linggi oleh Perdana Menteri pada ketika itu



- Sumber : Suara Melaka, Ogos 1993



Struktur jambatan Kuala Linggi yang hampir siap dibina
- Sumber : Suara Melaka, September 1994

Stesen Kereta api Tampin / Pulau Sebang

Alor Gajah merupakan satu-satunya kawasan di negeri Melaka yang mempunyai stesen kereta api. Mengikut sejarah, landasan kereta api dari Seremban ke Pulau Sebang telah siap dibina pada tahun 1905. Tidak lama selepas itu, satu stesen kecil dibina dan dinamakan Stesen KTM Pulau Sebang. Walau bagaimanapun, pembangunan pesat bandar Tampin yang berjiran dengan Pulau Sebang telah menyebabkan pihak British pada ketika itu menukar nama stesen Pulau Sebang kepada Tampin walaupun kedudukan stesen itu terletak dalam kawasan Melaka.

Pada masa yang sama juga landasan kereta api dari Pulau Sebang ke Bandar Melaka telah siap dibina. Antara stesen yang terdapat dalam laluan sejauh 34 km ini ialah Alor Gajah, Melaka Pindah, Durian Tunggal dan Melaka. Walau bagaimanapun, semasa pendudukan Jepun landasan laluan Melaka ini telah dibongkar tentera Jepun untuk membina landasan kereta api maut di Burma. Bekas laluan dan jambatan kereta api yang melintasi sungai masih jelas kelihatan pada hari ini.



Sebuah struktur jambatan kereta api lama yang masih jelas kelihatan yang kini telah diturap dan menjadi laluan kampung di Alor Gajah



Struktur jambatan keretapi lama yang masih jelas kelihatan yang kini telah diturap dan menjadi laluan kampung di Alor Gajah



Jalan Kereta api Lama Pengkalan



Tinggalan papan tanda kereta api lama menunjukkan landasan tersebut berada dalam kawasan Bandar di Alor Gajah



Stesen Keretapi Pulau Sebang



Stesen Keretapi Pulau Sebang yang kini telah dibangunkan semula dan masih beroperasi hingga kini.



STESAN
KERETAPI

PULAU
SEBANG
(Tampin)

Railway
Station

Masuk
Entrance





Perkhidmatan bas Mara pada tahun 1960-an di Bandar Alor Gajah
- Sumber: Arkib Negara



Terminal Bas Alor Gajah sebelum pembinaan bangunan baharu.



Bangunan baharu AG Sentral yang kini lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Pada tahun 1960-an sebanyak 6 buah bas penumpang dan 2 buah bas sekolah telah memulakan dan menjalankan perkhidmatannya dengan laluan:

- 1) Alor Gajah/Pegoh Estate/Tampin
- 2) Alor Gajah/Ayer Pa'Abas
- 3) Alor Gajah/Hutan Percha
- 4) Masjid Tanah/Brisu
- 5) Masjid Tanah/Kg. Pulau/Kuala Sg. Baru/Ayer Molek



Terminal Pengangkutan Bersepadu (AG Sentral)

*Kemudahan dan
Perkhidmatan*

**ALOR
GAJAH**

Pendidikan

Kemudahan pendidikan merupakan salah satu faktor perkembangan Pekan Alor Gajah. Sehingga tahun 1972 terdapat 9 buah sekolah menengah dan 71 buah sekolah rendah di daerah ini.

Sekolah-sekolah di daerah Alor Gajah didirikan atas inisiatif orang kampung seperti Datuk Naning, Datuk Demang, Datuk Penghulu, Lebai, dermawan dan sebagainya.

Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Gajah telah dibina sejak awal lagi, iaitu pada tahun 1860 untuk murid-murid Melayu. Kemudian sekolah Cina yang pertama di daerah ini, iaitu Sekolah Cina Peng Min telah dibina dalam tahun 1921. Seterusnya diikuti pula dengan pembinaan SRJK Tamil Ladang Kemuning pada tahun 1930 sebagai sekolah Tamil yang pertama dibina di daerah ini.

Pendidikan Inggeris hanya dimulakan dalam tahun 1950 di Masjid Tanah. Untuk murid-murid di daerah Alor Gajah, sebuah sekolah rendah Inggeris di Masjid Tanah telah dibina dalam tahun 1953. Sementara itu 3 buah sekolah Inggeris di daerah ini telah dibina hanya selepas negara mencapai kemerdekaan.

Sekolah-sekolah menengah kebangsaan pula semuanya didirikan selepas tahun 1960. Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Gajah yang pertama sekali dibina dan telah memulakan kelas menengah dalam tahun 1961. Nama sekolah ini telah ditukar kepada Sekolah Datuk Haji Talib Karim pada tahun 1971.

Kebanyakan sekolah rakyat atau sekolah didirikan dengan daya usaha pemimpin agama dan tempatan. Pelajaran asas duniawi dan pendidikan agama terdapat di sekolah-sekolah ini untuk kepentingan orang-orang Melayu yang terdiri daripada petani. Akibatnya, murid-murid Melayu pada zaman dahulu hanya belajar membaca, menulis dan mengira di sekolah-sekolah tersebut.

Sekolah Rendah

Senarai Sekolah Kebangsaan

ZAMAN JEPUN

Tiada sekolah ditubuhkan

SEBELUM KEMERDEKAAN (1946-1957)

1947	SK SUNGAI BULUH
1951	SK KAMPUNG TENGAH
1952	SK AIR LIMAU
1952	SK JERAM
1952	SK SUNGAI JERNIH
1952	SK BELIMBING DALAM
1953	SK TELUK BEREMBANG
1955	SK SUNGAI TUANG

SELEPAS KEMERDEKAAN (1957-1972)

1961	SK RANTAU PANJANG
1961	SK SOLOK MENGGUANG
1963	SK HUTAN PERCHA

PERMULAAN HINGGA TAHUN 1941

1860	SK ALOR GAJAH
1870	SK PADANG SEBANG
1880	SK PENGKALAN BALAK
1884	SK KUALA LINGGI
1890	SK GANUN
1890	SK MASJID TANAH
1890	SK CERANA PUTIH
1890	SK BUKIT BERINGIN
1892	SK RAMUAN CINA BESAR
1900	SK SIMPANG EMPAT
1900	SK MELEKEK
1907	SK TANJUNG BIDARA
1908	SK BERISU
1911	SK LUBUK REDAN
1913	SK DURIAN DAUN
1915	SK AIR JERNIH
1924	SK MELAKA PINDAH
1924	SK KUALA SUNGAI BARU
1924	SK SUNGAI SIPUT
1925	SK KEMUNING
1925	SKTEBUNG
1928	SK LENDU
1928	SK RAMUAN CINA KECIL
1928	SK AIR PAK ABAS
1929	SK RUMBIA
1930	SK PEGOH
1930	SK PARIT MELANA
1933	SK PULAU SEBANG
1938	SK SUNGAI PETAI



▲ Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Gajah merupakan sekolah untuk murid-murid Melayu yang paling awal dibina, iaitu pada tahun 1860. ▲

▼ Sekolah Cina yang pertama di daerah ini ialah Sekolah Cina Peng Min yang telah dibina pada tahun 1921. ▼

▼ SRJK Tamil Ladang Kemuning yang dibina dalam tahun 1930 merupakan sekolah Tamil yang pertama di daerah Alor Gajah. ▼



Sekolah Menengah



Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pengkalan

Sekolah ini mula didirikan pada tahun 1958 di kawasan Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Gajah untuk menampung keperluan pendidikan peringkat menengah di kawasan Alor Gajah. SMK Sri Pengkalan merupakan sekolah menengah pertama di daerah ini. Pada peringkat awal operasinya, jumlah murid ialah 200 orang dengan tenaga pengajar seramai 7 orang. Pengetua yang pertama ialah J.A.R.Wellington.

Pada tahun 1960, sekolah tersebut telah dipindahkan ke bangunan baharu di Kampung Pengkalan, iaitu kira-kira 1 kilometer dari pekan Alor Gajah. Pada masa itu sekolah ini dikenali dengan nama Sekolah Menengah Kebangsaan (Inggeris) Alor Gajah.

Pada tahun 1963, jumlah murid sekolah ini telah meningkat kepada 773 orang, 25 orang guru, 3 orang guru agama islam dan 1 orang guru sukarelawan dari Amerika Syarikat.

Pada tahun 1977 sekolah ini telah dipindahkan ke tapak dan bangunan baharu di persimpangan Machap Umboo, iaitu kira-kira 0.5 kilometer dari sekolah lama. Bangunan lama di Kampung Pengkalan telah diserahkan kepada Sekolah Menengah Vokasional Alor Gajah.

Sekali lagi sekolah ini telah mendapat nama baharu, iaitu Sekolah Menengah Seri Pengkalan. Kawasan sekolah ini berkeluasan 10 ekar dan telah dijalankan dalam 2 aliran, iaitu aliran sains dan sastera.

Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Terdapat beberapa institusi pengajian tinggi (IPTA dan IPTS) yang dibangunkan di daerah ini. Kewujudan institusi pengajian ini telah memberikan impak yang tinggi terhadap pembangunan daerah Alor Gajah terutamanya dari aspek ekonomi dan sosial yang mampu memberikan pulangan terhadap pembangunan daerah. Selain itu, pembinaan institut pengajian tinggi juga berupaya menarik pengunjung atau orang luar ke daerah Alor Gajah.

Antara IPT yang telah dibina ialah Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) di Kuala Sungai Baru, Universiti Teknologi MARA di Lendu, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (UTeM) di Durian Tunggal, Pusat Matrikulasi Londang, Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Akademi Laut Malaysia (ALAM) dan Universiti Kuala Lumpur.



Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)

Terletak di Ayer Padang, Alor Gajah, penubuhan kolej ini bermula pada tahun 1960 yang mulanya dikenali sebagai Sekolah Latihan Getah oleh Rubber Research Institute (RRI). Pada tahun 1973, penguasaan RISDA telah mengambil alih institut tersebut dan dinamakan sebagai Sekolah Latihan RISDA. Sekolah Latihan Getah terus berkembang menjadi Institut Latihan RISDA. Pada tahun 1999, institut ini telah dinaik taraf sebagai Kolej RISDA.

Setelah beroperasi selama 14 tahun, pada 8 Disember 2014, Kolej RISDA telah diluluskan dan dinaik taraf sebagai University College of Agrosience Malaysia (UCAM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.



Kolej Matrikulasi Melaka



Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu



Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)



Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Akademi Laut Malaysia

Akademi Laut Malaysia di Kuala Sungai Baru, Alor Gajah atau lebih dikenali sebagai ALAM merupakan pusat latihan pelayaran pertama di Malaysia. Latihan pelaut diberikan kepada pelatih dari peringkat anak kapal hingga pegawai yang berumur 17 hingga 21 tahun untuk memenuhi keperluan tenaga kerja industri perkapalan. Pusat ini memulakan operasi pada tahun 1977 sebagai Pusat Latihan Pelaut Malaysia. Pada tahun 1987 pusat ini dinaik taraf kepada Akademi dan dikorporatkan pada tahun 1997.



AKADEMI LAUT MALAYSIA



Kesihatan

Hospital Alor Gajah telah mula beroperasi semenjak tahun 1906. Hospital ini memulakan operasi dengan mempunyai 1 wad, iaitu 36 katil (6 wad bersalin dan 30 pesakit lelaki) di bawah jagaan 3 orang doktor.

Hospital ini telah berkembang selari dengan arus masa dari tahun ke tahun. Pada tahun 2007, pembangunan hospital yang baharu di Paya Datok telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Pada tahun 2008 Kementerian Kesihatan telah meluluskan projek pembinaan Hospital Alor Gajah yang baharu bertempat di Jalan Paya Datuk Alor Gajah bagi menggantikan Hospital Alor Gajah yang lama yang telah beroperasi lebih 100 tahun.



- Sumber : Arkib Negara Malaysia



Hospital baharu ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dewan bedah, dewan bersalin dan unit rawatan kecemasan. Selain itu, terdapat juga penambahan unit seperti Unit Forensik, Unit Bekalan Bahan Sterile (Sucl Hama), Unit Rawatan Rapi dan Unit Rawatan Pengasingan (Isolation Ward). Hospital ini juga merupakan satu-satunya hospital dilengkapi penghawa dingin disemua wad. Pada 18 Februari 2013, hospital ini telah memulakan operasi dan telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka pada 29 April 2013.



1968



1968



Keselamatan

Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah

Bangunan ini terletak di tengah-tengah pekan Alor Gajah yang dibina pada tahun 1976 dan dirasmikan pada tahun 1980



Bangunan lama Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah kini dijadikan Cawangan Polis Trafik Alor Gajah

Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah yang baharu terletak di Jalan Lesong Batu





Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah



Bangunan lama Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah

Bangunan baharu Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah di


Keagamaan



Masjid Jamek Alor Gajah atau dikenali juga sebagai Masjid Jamek Jelatang terletak di persimpangan Jalan Tampin dan Jalan Pengkalan dan dibina pada tahun 1960.

Masjid ini menjadi masjid bagi kariah Kampung Jelatang, Kampung Pengkalan dan Pekan Alor Gajah.

Pada tahun 1999, sebuah masjid baharu dibina bersebelahan dengan masjid ini. Masjid Al-Rasyidin yang kemudiannya menjadi Masjid Daerah Alor Gajah mula digunakan pada Mac 2001.



MASJID JAMEK LAMA ALOR GAJAH



GEREJA ST. ANNE



Majlis Pembukaan rasmi Gereja St. Anne di Pekan Alor Gajah oleh Datuk Haji Talib bin Karim.

Sumber: Arkib Negara Malaysia



TOKONG YOKE ONG KING

KUIL SRI SITHI VINAYAGAR



Perundangan

Kompleks Mahkamah Alor Gajah



Mahkamah Majistret Alor Gajah telah berpindah ke bangunan baharu di Kompleks Mahkamah Majistret Alor Gajah yang kini terletak di Lesung Batu, Alor Gajah, Melaka dan telah mula beroperasi pada 16 Julai 2012.



Bangunan lama Mahkamah Majistret ini merupakan bangunan kerajaan terawal yang dibina di Alor Gajah iaitu pada sekitar tahun 1925



Kini bangunan tersebut telah dibaik pulih dan dijadikan sebagai homestay.

Pejabat Pos Alor Gajah

Pada awal tahun 1800, perkhidmatan pos mula diperkenalkan di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura), dan kemudian berkembang ke seluruh Malaysia menjelang awal abad ke-20.




Perkhidmatan pos bergerak diperkenalkan sebelum wujudnya pejabat pos.
- Sumber: Arkib Negara Malaysia

Pejabat Pos merupakan kemudahan untuk tujuan penghantaran, penerimaan, isihan dan pengendalian mel. Kesemua item yang diposkan dipindahkan daripada pejabat pos di kawasan tersebut ke pusat agihan yang dikenali sebagai stesen isihan dan kemudian dihantar kepada penerima. Setiap pejabat pos dipertanggungjawabkan kepada seorang Ketua Pos.



- Sumber: Arkib Negara Malaysia



- Sumber: Arkib Negara Malaysia



Di Alor Gajah, pejabat pos juga memainkan peranan yang sangat penting sebagai institusi kewangan. Hampir setiap orang mempunyai buku simpanan wang di pejabat pos (Bank Simpanan Pejabat Pos) walaupun di dalamnya belum tentu ada wang simpanan.

Mereka tidak menyimpan di bank atau institusi kewangan kerana jumlah wang yang sedikit dan tidak banyak bank pada ketika itu. Bank lazimnya berada di pekan atau di bandar yang agak jauh. Bank masyarakat pada ketika itu ialah pejabat pos.



Pejabat Pos Alor Gajah ini dibina dan dibuka sebelum Perang Dunia Ke-2. Pejabat pos di seluruh negara ini setiap satunya mempunyai karakter yang berbeza dan bentuk seni bina yang menarik dan unik.
- Sumber: Arkib Negara Malaysia



Pejabat Pos Alor Gajah yang masih digunakan sehingga kini dengan mengekalkan bentuk bangunan yang asal.



Sosialisasi
**ALOR
GAJAH**

Sosialisasi

Etnik utama yang mendominasi daerah Alor Gajah ialah kaum Melayu diikuti kaum Cina dan India. Walaupun terdapat perbezaan antara setiap kaum seperti budaya, makanan dan pakaian tradisional serta perayaan masing-masing, tetapi mereka mampu hidup dengan aman damai dan harmoni oleh bawah satu bumbung besar sehingga kini. Hal ini kerana adanya perpaduan dan persfahaman yang diamalkan mereka dalam kehidupan seharian.

Aktiviti Keagamaan dan Kebudayaan

Malaysia semangnya sinonim dengan keraian dan perayaan yang disambut oleh pelbagai kaum. Masyarakat yang berbilang kaum di Alor Gajah diperkukuhkan lagi dengan kepelbagaian agama, budaya, adat serta amalan kepercayaan. Seperti daerah lain di negeri Melaka, acara tahunan yang disambut secara besar-besaran adalah seperti Hari Raya Aidilfitri, Maulidur Rasul, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan lain-lain.

Keraian lain seperti majlis perkahwinan memang menjadi satu majlis tempat ahli keluarga atau masyarakat berkumpul untuk mengeratkan silaturahim dan perpaduan.



Irangan paluan kompong berkumandang mengiringi mempelai memeriahkan lagi majlis perkahwinan masyarakat Melayu di Alor Gajah.



Jemputan yang hadir sedang menjamu selera di dalam khemah yang disediakan.



Majlis perkahwinan di kawasan Alor Gajah masih mengekalkan tradisi memasak secara bergotong-royong dan secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim bersama penduduk setempat.



Adat Papatih

Selain Negeri Sembilan, Adat Papatih masih diamalkan di Alor Gajah, terutamanya dalam hal-hal berkaitan dengan perkahwinan, pembahagian harta pusaka dan pengurusan kelompok-kelompok sosial masyarakat mengikut suku-suku yang terdapat di dalamnya. Dari aspek sosial, Adat Papatih masih bercirikan hidup kekeluargaan seperti budaya bekerjasama, bermuafakat, hormat-menghormati dan semangat kejiranan.

Pada teorinya, terdapat 12 suku dalam Adat Papatih, iaitu Anak Aceh, Anak Melaka, Batu Belang, Batu Hampar, Biduanda, Paya Kumbuh (Pekumbuh), Mungkal, Seri Lemak (Selemek), Seri Melenggang (Semelenggang), Tanah Datar (Tedatar), Tiga Batu dan Tiga Nenek.



Antara aktiviti keagamaan dan kebudayaan yang terdapat di Alor Gajah.



- Sumber : <http://www.pelangiholiday.com/2013/12/asal-usul-sumatera-batara-sejarah.html>



- Sumber : <http://echopedia.blogspot.my/2015/03/jenis-jenis-gelar-adat-di-minangkabau.html>



- Sumber : <http://surauparabek.com/minang-bermetamorfosis/>



- Sumber : <http://www.saribundo.biz/sejarah-gelar-sidi-masyarakat-panaman.html>

*Seni Bina dan
Landskap*

**ALOR
GAJAH**

Seni Bina

Rumah Kedai

Lebih kurang 52 unit bangunan rumah kedai ini terletak di jalan besar melambangkan ciri kepelbagaian reka bentuk melalui dekorasi seni binanya, iaitu gaya 'electric' dengan memiliki beberapa sifat keunggulan pada struktur bangunan, dinding dan tingkapnya yang istimewa dan mempunyai nilai warisan yang tinggi.

Keistimewaan yang ada pada bangunan di pekan Alor Gajah ini adalah mempunyai balkoni yang menggambarkan suasana unik kerana bangunan di Malaysia jarang mempunyai balkoni.



Ukiran tahun masih jelas kelihatan mencatatkan tahun pembinaan bangunan itu sendiri.



Keseragaman rumah kedai di Bandar Alor Gajah yang mewujudkan identiti yang berunsurkan sejarah dan kebudayaan.

Transisi dan Perubahan Reka Bentuk Rumah Kedai Yang Terhasil Daripada Pendedahan Pelbagai Pengaruh



1840-an - 1900-an

Pengaruh reka bentuk dari selatan China amat ketara kerana kapitan Cina mengupah tukang khas dari tanah besar China.

1890-an - 1910-an

Penggunaan hiasan yang lebih sarat serta pengaruh gaya Eropah terutama pada bahagian tiang dan tingkap mula digunakan.

1910-an - 1930-an

Fasad turut menampilkan bahan-bahan hiasan yang diimport dari Eropah seperti besi tuang dan jubin bercorak.

1930-an - 1960-an

Reka bentuk geometri yang menentangkan garisan-garisan melintang dan menegak hasil pengaruh aliran Art Deco di Eropah

Sumber: Sejarah dan Perkembangan Seni Bina Malaysia



Reka bentuk geometri jelas kelihatan menentangkan garisan menegak pengaruh Art Deco di Eropah





Kepelbagaian dan keunikan reka bentuk tingkap rumah kedai yang masih dikekalkan sehingga kini.



Rumah-rumah kedai ini dihubungkan antara satu sama lain dengan laluan kaki lima.



Rumah Tradisional Melayu Melaka

Rumah tradisional di Melaka dikenali dengan panggilan Rumah Melayu Melaka yang pada kebiasaannya berteraskan bumbung atap yang panjang. Rumah ini masih terdapat di seluruh Negeri Melaka sehingga kini, termasuk di daerah Alor Gajah.

Rumah Melayu Melaka terkenal dengan tangga batunya yang disalut dengan jubin beraneka warna dan kebiasaannya bermotifkan bunga. Pepatah ada menyatakan, tanpa tangga, rumah tradisional di Melaka hilang serinya.




Keunikan tangga batu ini diperindahkannya dengan hiasan jubin pelbagai corak



Struktur Rumah Asli Melaka

Rumah yang asli menggunakan 12 hingga 16 batang tiang utama pada bangunan induk atau rumah ibu. Komponen bangunannya pula terdiri dari rumah ibu, ruang tengah dan dapur. Pembahagian ruangnya pula terdiri dari ruang serambi, di hadapan adakalanya ditambah dengan ruang anjung yang bertangga. Di ruang tengah terdapat sebuah bilik dan antara rumah ibu dan rumah dapur terdapat satu ruang dipanggil selang. Terdapat di ruang tengah sebuah ruang antara bumbung dengan bilik dipanggil peran atau loteng. Kegunaan ruang tersebut selain sebagai tempat tidur anak-anak gadis apabila terdapat majlis juga sebagai tempat simpanan barang-barang. Rumah ini biasanya dibina daripada kayu cengal, meranti dan damar laut.





Rumah Melaka

Keindahan pekarangan rumah Melaka yang luas menjadi lebih terserlah apabila segenap ruang halaman depan dan sekeliling dihiasi hamparan landskap.

Keserian rumah tradisional Melayu Melaka ini ditambah lagi dengan landskap laman yang biasanya dihiasi dengan pokok-pokok bunga, khususnya bunga kertas yang diletak dalam pasu beralaskan batu bata dan disusun di sekitar bahagian hadapan rumah.

Rumah Melaka dipercayai merupakan tipologi Rumah Bumbung Panjang yang paling terpelihara kerana jumlah Rumah Melaka masih banyak dan sebahagian besar masih diduduki dan dipelihara.





Pokok bunga kertas Bougainvillea Spesies juga menjadi identiti penduduk Alor Gajah dan ditanam sebagai penghias laman rumah.



Antara rumah tradisional Melaka yang terdapat di kampung Belimbing Dalam, Alor Gajah, jelas menunjukkan ketinggian kreativiti dan keprihatinan terhadap unsur alam sekitar.



Desa Paku

Desa Paku yang dimiliki oleh Enckl Mushlin bin Musa merupakan salah sebuah rumah tradisional Melaka yang terdapat di Daerah Alor Gajah.

Pernah memenangi beberapa anugerah dipelbagai peringkat. Landskap dan seni bina rumah ini memainkan peranan yang sama penting. Kecantikannya dipengaruhi oleh keunikan dan keindahan landskap di bahagian luarnya.

Halaman rumah ini dipenuhi dengan pelbagai jenis heliconia dan pokok landskap daripada spesies yang kebanyakannya berasal dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

Pusat tumpuan bagi taman ini ialah Rumah Melaka tersebut yang direka bentuk oleh Málk Lip dengan menggunakan kayu cengal. Seperti rumah-rumah tradisional lain di negeri Melaka, Desa Paku masih mengekalkan elemen tangga batu, anjung, serambi dan ruang tamu.



Year	Awards	Awarded by
1992	Best Landscape Design in conjunction with Malaysia's National Day 1992	Ministry of Agriculture
1994	Best Landscape Design in conjunction with Malaysia's National Day 1994	Ministry of Agriculture
2000	National Landscape Competition—Best Traditional House	Ministry of Housing & Local Government
2003	Malacca Landscape Competition—Best Traditional House	Malacca State Government
2005	Malacca Annual Tourism Award—Best Agro Tourism	Chief Minister of Malacca
2009	Malaysia Tourism Award—Innovative Tour Programme for Heritage & Culture	Ministry of Tourism

Landskap

Selain halaman rumah, konsep yang sama juga turut dipegang oleh Kerajaan Negeri untuk landskap di tepi jalan dan dikaki-kaki lima kedai di Negeri Melaka.



Bunga kertas bukan sahaja ditanam di halaman rumah tetapi di tanam di sepanjang jalan dalam kawasan pekan Alor Gajah.



Suasana kampung dalam arus pembangunan. Pokok-pokok yang menghijau juga menjadi penyeri keindahan halaman rumah yang memberikan suasana yang indah, segar dan memberi ketenangan minda.



*Rekreasi &
Pelancongan*

**ALOR
GAJAH**

Rekreasi

Dataran Keris

Dataran Keris terletak di tengah Bandar Alor Gajah. Di tengah dataran tersebut terdapat sebuah replika keris yang besar. Dahulunya dataran ini dikenali sebagai Padang Rakyat. Antara fungsi Padang Rakyat pada ketika itu adalah untuk majlis-majlis rasmi, program kemasyarakatan, perlawanan bola sepak, riadah dan lain-lain lagi.

Kini, dataran ini tetap menjadi tumpuan orang ramai yang datang untuk program kemasyarakatan, beristirehat, terutamanya pada hujung minggu dan waktu petang. Pelbagai kemudahan turut disediakan bagi kemudahan pengunjung, antaranya ialah Pentas Terbuka, Bilik Persalinan, Taman Permainan Kanak-Kanak, Gerai dan Tandas Awam.






Taman Tema Air A'Famosa

A'Famosa Water Theme Park atau Taman Tema Air A'Famosa terletak di dalam A'Famosa Resort dan merupakan Taman Tema Air yang terbesar di Malaysia.

Taman tema ini mempunyai pelbagai permainan air yang menarik bukan sahaja untuk kanak-kanak tetapi juga untuk orang dewasa. Antara permainan menarik yang terdapat di sini ialah Sandy Beach, Wave pool, Lazy Rider, Family Raft Ride dan bermacam-macam lagi.

Selain itu, terdapat beberapa kemudahan lain yang disediakan seperti Medan Selera, Bistro, kedai pakaian renang dan surau.


A'Famosa Cowboy Town



Kolam Air Panas Cherana Putih

Terletak kira-kira tiga kilometer dari Plaza Tol Simpang Empat. Air Panas Cherana Putih ini lebih popular dalam kalangan penduduk tempatan. Selain dikunjungi oleh masyarakat setempat, tidak ketinggalan juga mereka yang datang dari kampung-kampung berhampiran termasuk dari Tampin, Negeri Sembilan.

Terdapat kira-kira 10 buah kolam air panas disediakan dan orang ramai boleh mandi-manda dan merendam kaki mereka dalam kolam yang disediakan.




Ketua Menteri Melaka melawat Kolam Air Panas Gadek
Sumber: Suara Melaka, Februari 1987

Kolam Air Panas Gadek

Kolam Air Panas Gadek merupakan kebanggaan penduduk Alor Gajah kerana lokasinya begitu istimewa dengan wujudnya sebuah kolam air panas yang sentiasa panas dan dipercayai dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit kulit.

Kolam air panas ini dipercayai telah ditemui orang kampung di kawasan berkenaan apabila mereka mendapati ramai tentera British mendiami kawasan berhampiran kolam tersebut.

Dengan adanya kemudahan sokongan lain, kolam air panas ini ialah tempat yang sesuai untuk keluarga, sama ada untuk berekreasi atau untuk mengubati penyakit kulit.



Pelancongan

Pantai Tanjung Bidara

Merupakan pantai perkelahan yang selesa dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sejajar dengan hasrat kerajaan Negeri Melaka pada ketika itu di bawah pimpinan Tan Sri Abdul Rahim bin Thamby Chik yang mahu memajukan sektor pelancongan. Antara kemudahan yang telah disediakan untuk kemudahan para pengunjung ialah gerai, pembinaan 50 buah motel dan 15 buah chalet yang dilengkapi dengan bilik mesyuarat, *coffee house*, kolam renang, gelanggang tenis dan sebagainya.

Dengan inisiatif tersebut, jumlah pengunjung meningkat begitu mendadak daripada jumlah ratusan orang mencapai ke angka ribuan orang pengunjung pada setiap minggu.

Penambahbaikan terus dilaksanakan sehingga kini dengan pelbagai kemudahan seperti tempat padang permainan kanak-kanak, surau, medan selera, tandas awam dan bilik mandi untuk keselesaan para pengunjung.



Suasana Pantai Tanjung Bidara yang menjadi tumpuan ramai .
-Sumber Suara Melaka Ogos 1983



Pesisir pantai yang luas di samping keindahan dan keunikan kampung-kampung nelayan menjadikan suasana persekitarannya amat damai dan permai. Terdapat pelbagai resort dan chalet termasuk penginapan persendirian yang diusahakan penduduk tempatan di sepanjang pantai ini.



Pantai Tanjung Bidara

Pulau Konet

Sebuah pulau kegemaran pemancing di Alor Gajah. Pulau ini mempunyai ciri fizikal yang unik dan kelihatannya sebagai sebuah pulau yang terpisah dari tanah besar ketika air pasang. Namun, apabila air surut, pulau ini kelihatan seperti pelantar yang boleh dikunjungi ramai tanpa perlu menggunakan bot atau perahu.



Keadaan air pasang menyebabkan Pulau Konet kelihatan seperti terpisah dari tanah besar

Kota Bukit Supai (Fort Supai)

Kota Bukit Supai terletak di Muara Sungai Linggi dan lokasinya adalah di sempadan Mukim Masjid Tanah, Melaka dan Linggi di Negeri Sembilan. Dahulunya sebelum ada Jambatan Kuala Linggi, kawasan ini hanya boleh dikunjungi dari jalan sebelah Melaka sahaja. Setelah jambatan dibuka pada tahun 1995, maka kawasan ini menjadi "hidup" kerana telah menghubungkan antara dua negeri.

Kota Bukit Supai ini dibuka oleh Belanda dan Bugis setelah berlaku peperangan pendek pada tahun 1757. Kedua-dua belah pihak bersetuju untuk membina kota ini sebagai cara untuk berdamai. Pada masa itu kota ini menandakan titik paling utara dalam jajahan Belanda. Kota ini juga membolehkan Belanda untuk memantau dan mengawal pergerakan kapal dari Sungai Linggi dan bahagian Selat Melaka yang berada di sini. Secara muslihatnya, Belanda ingin mengenakan cukai bagi kapal-kapal bijih timah dari Sungai Linggi dan Sungai Rembau yang boleh dipintas walaupun Rembau itu dibawah kerajaan Negeri Sembilan. Kota ini dijaga oleh askar-askar upahan berkemungkinan "sepoys" dari India dan disokong oleh beberapa orang askar Belanda.



Replika meriam terletak di Kota Bukit Supai

Nama Bukit Supai mungkin diambil daripada perkatan 'sepoys' tersebut. Namun begitu, perjanjian persefahaman antara Belanda dan Bugis tidak kekal lama. Akhirnya Belanda meninggalkan kota ini tidak lama selepas kota ini disiapkan. Antara nama lain kota ini ialah "Dutch Fort", "Broken Cannon Fort" dan "Filipina Fort" (diberi nama sempena anak perempuan Jacob Mosel Governor General Dutch East India Company).



Batu Megalith

Megalith atau lebih dikenali sebagai Batu Hidup oleh penduduk tempatan hanya terdapat di daerah Alor Gajah, Melaka, daerah Kuala Pilah, Rembau dan Tampin, Negeri Sembilan.

Megalith di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada dua jenis, iaitu batu-batu yang tingginya antara dua hingga enam kaki disusun berorientasikan arah utara-selatan secara berpasangan dan diatur dalam barisan timur-barat. Jenis kedua ialah batu yang tinggi lebih kurang satu kaki dan tidak mempunyai susunan yang khusus.

Kebanyakan megalith di Semenanjung tergolong dalam jenis pertama biasanya didirikan di atas tapak tanah yang berbusut. Biasanya terdapat satu batu yang terbesar dan sering diberi nama khas oleh penduduk tempatan.



Batu hidup yang terdapat di Kampung Kemuning, Alor Gajah



Batu hidup yang terdapat di Ulu Melaka Pindah, Alor Gajah.
- Sumber : Suara Melaka, Ogos 1983

Masjid Tanah

Masjid ini dibina pada tahun 1800-an oleh seorang Syeikh yang berasal dari Gujarat. Namun, Hj. Sulong bin Sibeng merupakan orang tempatan yang turut bekerja keras dalam pembinaannya. Pada awalnya pembinaan masjid ini berasaskan tanah. Oleh hal yang demikian, masjid tersebut dikenali sebagai Masjid Tanah.


Masjid ini pernah menjadi tempat sembahyang bagi orang-orang dari Kampung Tengah, Kampung Durian Daun dan beberapa kampung lain sebelum kewujudan masjid di setiap kampung di kawasan Masjid Tanah. Pada tahun 1951, masjid ini telah diubah suai. Antara kerja yang dilakukan ialah memperbaiki tapak dan menggantikan atapnya. Masjid ini hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan sahaja setelah masjid baharu Masjid Tanah siap dibina.



Muzium Adat Istiadat

Muzium ini dibina pada tahun 1989 dan mempamerkan pelbagai barangan antik, tradisional, peralatan pertanian lama serta koleksi gambar sejarah nostalgia dan senjata-senjata purba yang digunakan oleh masyarakat Melayu lama, khususnya Melayu Minang.

Muzium yang terletak di Dataran Keris ini turut memperagakan budaya dan pakaian tradisional masyarakat Melayu Alor Gajah yang banyak dipengaruhi oleh budaya Minang dan Naning.



Ahli Exco Kerajaan Negeri bersama Setiausaha Kerajaan Negeri mengunjungi Muzium Alor Gajah.

- Sumber : Suara Melaka, Ogos 1989



Muzium Alor Gajah dalam pembinaan pada tahun 1989

- Sumber : Suara Melaka, Mac 1990

Rumah Api Tanjung Tuan

Rumah api tertua yang dibina pada tahun 1817 ini terletak di Tanjung Tuan, Alor Gajah dan dikenali sebagai *Cape Rachardo*. Tingginya 1.180 meter terletak di 022°24.4' U/101°51.2' T. Minyak petrol pertama kali digunakan untuk mengeluarkan cahaya pada tahun 1907.

Rumah api ini asalnya dibuat daripada kayu sahaja tetapi kini telah diganti dengan bangunan batu dan dilengkapi dengan sistem lampu yang memenuhi piawai antarabangsa. Disebabkan oleh faktor keselamatan, rumah api ini tidak dibuka kepada orang ramai.



Kompleks Falak Al-Khawarizmi

Kompleks ini merupakan antara kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Melaka bagi mengkaji dan meneroka kejadian serta rahsia alam cakerawala. Kompleks ini terletak di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Masjid Tanah dan merupakan kompleks falak yang terbesar di Malaysia.

Terdapat tiga bangunan utama di dalam Kompleks Falak Al-Khawarizmi, iaitu Balai Cerap, Planetarium dan Pusat Latihan. Pelbagai usaha dijalankan bagi menggalakkan penyebaran ilmu falak kepada masyarakat melalui aktiviti pelancongan. Para pengunjung akan diberi pengetahuan asas tentang ilmu falak dan merasa kebesaran keagungan ciptaan Maha Pencipta.



Freeport A'Famosa Outlet

Freeport A'Famosa Outlet Village merupakan pusat beli-belah secara terbuka yang merupakan salah satu pemangkin pembangunan di Alor Gajah. Pembukaan outlet ini adalah antara usaha Kerajaan Negeri bagi menarik kemasukan lebih ramai pelancong ke negeri Melaka yang secara tidak langsung dapat merangsang ekonomi negeri serta memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia.

Konsep reka bentuknya menggunakan tema kolonial Belanda yang mencerminkan identiti sejarah Melaka. Bangunan yang berkonsepkan perkampungan Belanda ini menawarkan lebih daripada 70 jenama fesyen antarabangsa di bawah harga pasaran.



*Menu &
Kraf Tangan*

**ALOR
GAJAH**



Alor Gajah semanginya terkenal sebagai tempat peninggalan sejarah dan menjadi antara tempat yang menjadi pilihan orang ramai. Tetapi, jika menyinggah tanpa menikmati makanan yang sedap di Alor Gajah, maka tidak lengkaplah persinggahan tersebut.

Antara makanan-makanan menarik yang terdapat di Alor Gajah adalah seperti kuih Cucur Udang Alor Gajah, Nasi Ayam Nadia, Kuih Bakar Pulau Sebang, Tapai Pulut Sarimah, Mee Sup Bedah, dan lain-lain lagi.



Cucur Udang

Cucur Udang @ Kuih Udang semanginya sinonim dengan Alor Gajah. Kuih Udang Alor Gajah mula diperkenalkan sejak tahun 1961 oleh Encik Baharuddin yang merupakan pengasas produk ini. Perniagaan ini bermula secara kecil-kecilan sebelum berkembang maju. Keistimewaan Kuih Udang ini ialah gabungan komponennya yang pelbagai daripada cucur udang, telur, sosej, nugget, tauhu, timun, tempe, popia, bebola ikan, ayam goreng dan dimakan dengan sos cili ramuan asli turun-temurun.



Kuih Bakar Pulau Sebang

Perniagaan menjual kuih bakar di Kampung Pulau Sebang, Alor Gajah ini bermula secara kecil-kecilan sejak tahun 1987. Kini, perniagaannya semakin berkembang maju.

Pengusaha Kuih Bakar ini mempunyai dua tempat pembakar yang boleh memuatkan 16 dan 20 bekas kuih bakar. Bagi pembakar yang memuatkan 16 bekas, kuih bakarnya akan siap dimasak dalam tempoh 15 minit manakala bagi bekas yang satu lagi mengambil masa 20 minit.

Ramuan bagi membuat kuih bakar ini ialah gula pasir, telur, tepung gandum, jintan manis, kulit kayu manis, buah pelaga, bunga pekak, bunga cengkih, pati daun pandan dan pati daun limau purut.





Nasi Ayam Nadia



Mee Sup Bedah



Tapai Pulut Sarimah


Tapai Pulut Sarimah semanginya terkenal di Alor Gajah. Dengan pengeluaran lebih 70,000 sebulan, tapai ini bukan sahaja terkenal di dalam Melaka bahkan terdapat tempahan dari Istana Johor, Singapura, Indonesia dan juga India.



Tapai ini mempunyai 3 perisa, iaitu tapai pulut asli, tapai pulut ros dan tapai pulut pandan.



Kraf Tangan



Selain kepelbagaian jenis makanan yang menarik, terdapat juga banyak produk kraf tangan di sepanjang tepi jalan utama Lebuhr AMJ—Simpang Ampat. Antaranya produk yang berasaskan rotan, bantal, dodol, belacan, sos kuih udang, cenculok dan lain-lain lagi.

Wajah-wajah ALOR GAJAH





Senja Berlabuh...

Penghargaan

Pihak penerbit buku *Imej Bandar Alor Gajah* ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada jabatan atau agensi yang turut sama menyumbang dalam penyediaan buku ini ;

Majlis Perbandaran Alor Gajah
Arkib Negara Malaysia
Arkib Negeri Melaka
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
Perbadanan Muzium Negeri Melaka
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka
Institut Kajian Sejarah dan Patriotisma Malaysia
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka

Individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku ini.

Rujukan

Jabatan Muzium Malaysia. 2014. *Senibina Malaysia : Warisan dalam Kepelbagaian*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.

Kerajaan Negeri Melaka, 1983. *Dokumentasi Seminar Sejarah Melaka*. Melaka.

Jabatan Warisan Negara , 2007. *Adat Perpatih: Esei Pilihan*. Perpustakaan Negara Malaysia.

Leow Kian Heong, 1990. *Orang Cina Dalam Sejarah Alor Gajah 1900-1960*. Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Pelajaran Melaka, 1974. *Sejarah Sekolah-Sekolah Melaka*. Melaka.

Persatuan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia (PKPSM) Cawangan Melaka. *Sejarah Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Melaka*. Melaka.

Suara Melaka , 1983-1995. Perpustakaan Negeri Melaka.

Jonathan Cave. *Naning in Melaka*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.